

**SOALAN NO. 67**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : JAWAB LISAN**

**DARIPADA : PUAN HAJAH ZURAIDA BINTI KAMARUDDIN  
[ AMPANG ]**

**TARIKH : 31 MAC 2015 (SELASA)**

**SOALAN :**

**Puan Hajah Zuraida binti Kamaruddin [ Ampang ] minta MENTERI PEMBANGUNAN WANITA, KELUARGA DAN MASYARAKAT menyatakan mengapa perlu ada pengasingan di bawah portfolio yang berbeza dalam mendidik anak-anak istimewa sebagai contoh kewujudan Permata Kurnia yang objektifnya dikira sama di bawah portfolio Kebajikan dan Masyarakat.**

**JAWAPAN :**

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) menerusi Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) sentiasa komited dalam usaha meningkatkan perkhidmatan kepada golongan Orang Kurang Upaya (OKU). JKM menggalakkan penglibatan pihak agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan (NGO) dalam menyampaikan perkhidmatan tambahan (*value added*) kepada OKU di negara kita.

Jabatan Kebajikan Masyarakat menerusi Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) menyalurkan pelbagai perkhidmatan pemulihan kepada kanak-kanak OKU termasuk yang mengalami masalah Autisme. Program Pemulihan Dalam Komuniti (PDK) merupakan salah satu program yang melibatkan pembabitan secara aktif ibubapa / penjaga ahli keluarga golongan kurang upaya dan komuniti setempat untuk membantu orang kurang upaya hidup berdikari dan diintegrasikan dalam masyarakat.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat juga telah menubuhkan TASKA OKU pada tahun 2013. Salah sebuah TASKA OKU telah dikhatusukan kepada kanak-kanak yang mengalami Autisme. Persatuan Autisme Sibu telah membuka TASKA Autisme di Sibu, Sarawak dengan peruntukan awal kerajaan sebanyak RM500,000.

Kementerian Pendidikan Malaysia menerusi Bahagian Pendidikan Khas bertanggungjawab terhadap pendidikan bagi murid berkeperluan khas menerusi Program Pendidikan Khas. Program Pendidikan Khas adalah kepada kanak-kanak OKU penglihatan, pendengaran dan masalah pembelajaran.

Selain agensi kerajaan, pihak pertubuhan sukarela kebajikan dan pihak swasta juga ada menyediakan program intervensi awal kepada kanak-kanak yang mengalami autisme termasuk kepada ahli keluarga. Misalnya Persatuan Kebangsaan Autisme Malaysia (NASOM), merupakan sebuah pertubuhan yang membantu individu autistik ke arah kehidupan dengan lebih berdikari dan bermakna. Pada masa ini, terdapat 19 buah pusat NASOM di seluruh negara dengan 16 pusat menyediakan program pendidikan awal dan bakinya menyediakan latihan vokasional.

Di samping itu, terdapat beberapa pusat intervensi awal yang khusus untuk kanak-kanak autisme yang dikendalikan oleh pihak swasta. Pusat-pusat ini beroperasi di bandar-bandar besar dan biasanya mengenakan bayaran agak tinggi.

Permata Kurnia di bawah Permata Negara adalah program yang memberi tumpuan kepada pendidikan khas serta latihan awal untuk kanak-kanak autism. Pusat Permata Kurnia akan dibuka di Sentul, Kuala Lumpur bagi memenuhi keperluan kanak-kanak autisme dan keluarga mereka. Pembinaan pusat ini telah bermula pada bulan Ogos 2013 dan telah siap pada bulan Februari 2015. Pusat ini akan menyediakan program intervensi awal secara komprehensif. Inisiatif ini akan mengurangkan beban keluarga yang mempunyai anak autisme.

Projek yang dibiayai oleh kerajaan persekutuan ini akan menawarkan tiga jenis perkhidmatan termasuk program intervensi sepenuh masa untuk 100 hingga 150 kanak-kanak yang berusia antara 4 hingga 6 tahun. Perkhidmatan intervensi sokongan keluarga untuk mempelajari teknik intervensi yang boleh diaplikasi di rumah juga akan disediakan oleh pusat

ini selain program latihan kepada pendidik, ahli terapi, ibu bapa dan orang ramai yang merangkumi pelbagai aspek autisme.

Pusat ini menghimpunkan tenaga mahir daripada pelbagai disiplin seperti pengajar awal kanak-kanak, terapi pertuturan dan mereka akan bekerjasama dalam memberikan perkhidmatan secara lebih holistik kepada golongan autism.

Tuan Yang Dipertua,

Walaupun pendidikan khas serta latihan dan pemuliharaan awal untuk kanak-kanak OKU merupakan tanggungjawab Kementerian Pendidikan dan Kementerian Pembangunan Wanita Keluarga dan Masyarakat, namun pengwujudan Permata Kurnia adalah untuk membantu dan sebagai saling lengkap melengkapi penyampaian perkhidmatan terbaik kepada golongan OKU khususnya kepada OKU autisme. Program ini merupakan sebuah projek perintis dan sekiranya berjaya sudah pasti pusat seupamanya boleh dibangunkan kepada kumpulan OKU yang lain.